

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT Kempen TopUpJer Hotlink CIMB Clicks

### Tempoh Kempen

1. Kempen “TopUpJer Hotlink CIMB Clicks” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **9 Mei 2022 jam 00:01 (GMT+8)** dan berakhir pada **30 Jun 2022 jam 23:59 (GMT+8)**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna CIMB Clicks aktif baharu dan sedia ada (“**Peserta Layak**”).
5. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a. Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan untung, persatuan dan perkongsian professional; dan/atau
  - b. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, penjual pihak ketiga dan penyedia perkhidmatan) CIMB (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak dan ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja sedemikian; dan/atau
  - c. Pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau telah digulungkan atau sebaliknya mempunyai prosiding kebangkrapan atau penggulungan dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
  - d. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di Klausa 5 di atas.

## Hadiah

7. Peserta Layak berpeluang untuk memenangi "**Hadiah**" yang berikut sepanjang Tempoh Kempen: -

Kategori Hadiah	Penerangan Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Samsung Galaxy S22 Ultra	5
Pulangan Tunai	Pulangan Tunai RM10	3,000 (Maksimum 1,500 Pemenang bagi setiap Bulan Kempen)

8. Setiap Peserta Layak layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama atau dua (2) Pulangan Tunai sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

## Mekanik Kempen

9. Untuk berpeluang memenangi Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Peserta Layak mesti melakukan Transaksi Layak berikut dalam Tempoh Kempen untuk memperoleh Penyertaan Layak seperti yang berikut: -

Bulan Kempen	Transaksi Layak	Bilangan Penyertaan Layak yang Diperolehi
<b>Bulan Kempen 1</b> 9 Mei 2022 – 31 Mei 2022	Lakukan satu (1) Transaksi Tambah Nilai Prabayar (selepas ini ditakrifkan di Klausula 11) ke Maxis (Hotlink) dengan denominasi minimum sekurang-kurangnya RM10 di suatu Bulan Kempen tertentu	1
<b>Bulan Kempen 2</b> 1 Jun 2022 – 30 Jun 2022		

10. Peserta Layak boleh memperoleh dua kali ganda bilangan Penyertaan Layak yang beliau layak kepada di bawah Klausula 9 di atas jika beliau melakukan lima (5) atau lebih Transaksi Layak di dalam satu Bulan Kempen.

### Contoh: -

- a. Pelanggan A melakukan Transaksi Tambah Nilai Prabayar berjumlah RM50.00 dalam satu transaksi pada 10 Mei 2022. Pelanggan A memperoleh satu (1) Penyertaan Layak untuk Bulan Kempen Mei.

- b. Pelanggan B melakukan Transaksi Tambah Nilai Prabayar berjumlah RM50.00 dalam lima (5) transaksi berlainan di dalam bulan Mei 2022- RM10.00 pada 10 Mei 2022, RM10.00 pada 15 Mei 2022, RM10.00 pada 20 Mei 2022 dan dua Transaksi Tambah Nilai Prabayar RM10.00 berlainan pada 30 Mei 2022. Pelanggan B memperoleh sejumlah sepuluh (10) Penyertaan Layak untuk Bulan Kempen Mei kerana Pelanggan B berhak untuk memperoleh dua kali ganda bilangan Penyertaan Layak yang beliau layak kepada di bawah Klausula 9 di atas jika beliau melakukan lima (5) atau lebih Transaksi Layak dalam satu Bulan Kempen.
  - c. Pelanggan C melakukan Transaksi Tambah Nilai Prabayar berjumlah RM50.00 dalam lima (5) transaksi berlainan sepanjang bulan Mei dan Jun 2022- RM10.00 pada 10 Mei 2022, RM10.00 pada 15 Mei 2022, RM10.00 pada 20 Jun 2022 dan dua Transaksi Tambah Nilai Prabayar RM10.00 berlainan pada 25 Jun 2022. Pelanggan C memperoleh sejumlah lima (5) Penyertaan Layak- dua (2) Penyertaan Layak bagi Bulan Kempen Mei dan tiga (3) Penyertaan Layak bagi Bulan Kempen Jun.
11. Untuk tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, "**Transaksi Tambah Nilai Prabayar**" hendaklah bermaksud mana-mana transaksi tambah nilai prabayar yang dilakukan oleh Peserta Layak menerusi laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks menerusi fungsi 'Tambah Nilai'.
  12. Peserta Layak mesti menggunakan dana daripada akaun Simpanan atau Semasa CIMB beliau yang dipautkan yang didaftarkan dengan CIMB untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks sahaja ("**Akaun Penyertaan**").
  13. Bilangan Transaksi Layak yang dilakukan oleh Peserta Layak hendaklah dikira berdasarkan Transaksi Layak yang dilakukan olehnya menggunakan Akaun Penyertaan beliau yang telah dipautkan kepada ID CIMB Clicks beliau. Sekiranya Peserta Layak mempunyai berbilang Akaun Penyertaan dan ID CIMB Clicks, Transaksi Layak yang dilakukan pada setiap Akaun Penyertaan beliau yang dipautkan dengan ID CIMB Clicks beliau hendaklah dikumpulkan bagi tujuan menentukan jumlah Transaksi Layak yang dilakukan oleh Peserta Layak di suatu Bulan Kempen tertentu.
  14. Bagi mengelakkan keraguan, hanya Transaksi Tambah Nilai Prabayar yang dilakukan untuk Maxis (Hotlink) seperti yang disenaraikan di bawah fungsi Tambah Nilai dalam CIMB Clicks akan diambil kira. Transaksi Tambah Nilai Prabayar yang dilakukan untuk mana-mana penyedia perkhidmatan mudah alih lain tidak akan diambil kira untuk tujuan Kempen ini.
  15. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa Transaksi Tambah Nilai Prabayar (Waktu Malaysia).
  16. Peserta Layak dengan ini secara nyata mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB berkenaan sama ada mana-mana Transaksi Tambah Nilai Prabayar tertentu layak sebagai Transaksi Layak adalah muktamad dan tidak akan dicabar dalam apa-apa cara sekalipun.

#### Pemilihan Pemenang

**17. Pemenang Hadiah Utama**

- a. Pada akhir Tempoh Kempen, lima belas (15) Peserta Layak dengan jumlah Penyertaan Layak tertinggi akan disenaraipendekkan sebagai pemenang hadiah utama berpotensi ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**") dan akan berpeluang memenangi satu (1) unit Samsung Galaxy S22 Ultra seorang.
  - b. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi dalam tiga (3) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") yang akan mengandungi satu (1) soalan dan mereka akan diperlukan untuk menjawab soalan tersebut dengan tepat dalam masa terpantas. SMS akan dihantarkan ke nombor mudah alih Peserta Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB. Tarikh akhir (iaitu, tarikh dan masa) untuk menjawab soalan tersebut akan dinyatakan dalam SMS. CIMB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tidak dapat dihubungi atas apa-apa jua sebab sekalipun.
  - c. **Lima (5)** Pemenang Hadiah Utama Berpotensi **pertama** yang menjawab soalan tersebut dengan tepat akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Utama**".
18. Sekiranya tidak mempunyai Pemenang Hadiah Utama yang mencukupi daripada kumpulan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang dipilih mengikut Klausula 17(a) di atas, CIMB akan menyenaraipendekkan lagi lima belas (15) Peserta Layak yang mempunyai bilangan Penyertaan Layak tertinggi dan proses pemilihan yang dinyatakan di Klausula-Klausula 17(b) hingga (c) di atas akan diulangi sehingga mempunyai sejumlah lima (5) Pemenang Hadiah Utama yang dipilih untuk Kempen ini.

**19. Pemenang Pulangan Tunai**

- a. Setiap Peserta Layak akan layak kepada maksimum dua (2) Pulangan Tunai sahaja sepanjang Tempoh Kempen
- b. Pada akhir setiap Bulan Kempen, sejumlah seribu lima ratus (1500) Peserta Layak yang telah melakukan Transaksi Layak dan memperolehi Penyertaan Layak menurut Klausula 9 di atas akan dipilih oleh sistem CIMB untuk diisytiharkan sebagai "**Pemenang Pulangan Tunai**".

**Pemenuhan Hadiah**

20. CIMB menyimpan hak untuk menggantikan mana-mana dan semua Hadiah yang disenaraikan di atas dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai pasaran yang setara mengikut budi bicaranya yang munasabah dengan notis terdahulu dua puluh

satu (21) hari kalendar kepada Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Pulangan Tunai (secara kolektif "**Pemenang**").

21. Pemenang akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau SMS ke nombor mudah alih mereka atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB dalam lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
22. Ianya adalah tanggungjawab tunggal Pemenang untuk memastikan bahawa alamat mel, nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel mereka yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini. Pemenang mempunyai tanggungjawab untuk mengemas kini dan memaklumkan kepada CIMB sebarang perubahan yang dilakukan pada nombor mudah alih dan/atau alamat e-melnya. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan/atau kerugian turutan yang berbangkit daripadanya) yang dialami oleh mereka disebabkan oleh alamat mel, nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel mereka yang dikekalkan di dalam rekod CIMB bukan terkini atau tidak tepat.
23. Hadiah Utama akan dihantar ke alamat mel Pemenang Hadiah Utama di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
24. Pemenang Hadiah Utama bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan butiran Pemenang Hadiah Utama (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada penyedia/ejen penghantaran yang berkenaan bagi Hadiah Utama yang kemudiannya boleh menghubungi Pemenang Hadiah Utama mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah Utama.
25. Pemenang Hadiah Utama mesti menebus Hadiah mereka dalam tempoh sah seperti yang mungkin ditetapkan oleh penyedia Hadiah, jika gagal, Hadiah mungkin dilucuthakkan oleh penyedia Hadiah secara automatik tanpa memberikan notis terdahulu kepada Pemenang dan CIMB tidak akan diwajibkan untuk menggantikan Hadiah sedemikian dalam apa jua keadaan.
26. Imej Hadiah Utama yang ditunjukkan dan dipaparkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau pengiklanan untuk Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Warna/reka bentuk sebenar Hadiah Utama mungkin berbeza daripada yang ditunjukkan dan dipaparkan dalam bahan pemasaran dan/atau pengiklanan. Pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan memilih atau menukar warna atau model Hadiah Utama.
27. Samsung bukan penaja Kempen ini. Tiada apa-apa di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini boleh dianggap sebagai representasi bahawa mereka telah mengendors Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau mana-mana produk CIMB.
28. CIMB tidak akan melayan apa jua aduan yang berkaitan dengan Hadiah. Kemasukan Hadiah dalam Kempen ini tidak akan ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB.

29. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang Pulangan Tunai dalam lapan (8) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen. Pulangan Tunai tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga yang lain dan CIMB juga tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Pulangan Tunai ke akaun CIMBnya yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain, atau mana-mana akaun bank pihak ketiga yang lain.
30. Akaun Penyertaan Pemenang (a) MESTI TIDAK memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan DAN (b) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan ("*adverse orders*") yang dibuat oleh mahkamah, atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh CIMB sehingga pemenuhan Hadiah.
31. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan ini secara nyata mengecualikan liabilitinya berkenaan dengan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, secara bertulis atau lisan, yang dibuat oleh mana-mana pihak berkenaan dengan Hadiah. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul akibat daripada penggunaan Hadiah oleh Pemenang.
32. Di mana Hadiah ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penyedia yang berkenaan, ia hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang mungkin ditentukan oleh penyedia tersebut. CIMB tidak menerima apa-apa liabiliti untuk sebarang kerugian dan ganti rugi (termasuk sebarang kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, kerugian langsung atau tidak langsung, ganti rugi sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang mungkin dialami oleh Pemenang atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Hadiah, walaupun jika CIMB telah dinasihati berkenaan kemungkinan ganti rugi sedemikian, jika ada, terlebih dahulu, dan semua ganti rugi sedemikian adalah dikecualikan secara nyata melainkan yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
33. Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan/atau jumlah dan/atau pemenuhan Hadiah hendaklah muktamad dan tidak akan dicabar dalam apa cara sekalipun, melainkan terdapat kesilapan nyata.
34. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk sebarang fi, levi atau cukai terpakai yang dikenakan atau akan dikenakan hendaklah merupakan dan kekal sebagai liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
35. Dengan menerima Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutunya berserta pengarah, pegawai, pekerja dan ejennya masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkaitan dengan: -

- a. penyertaan dalam Kempen; atau
- b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah

oleh Peserta Layak.

36. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.

#### Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

37. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
- a. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - b. memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB:  
<https://www.cimb.com.my/en/personal/privacy-policy.html>
  - c. bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - d. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - i. kegagalan mana-mana peranti mekanik atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
    - ii. kegagalan elektrik;
    - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - iv. apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
    - v. apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
38. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen sebelum pemenuhan Hadiah sekiranya:
- a. Peserta Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan;
  - b. Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan ("*adverse orders*")

yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau

- c. Akaun Penyertaan Peserta Layak dijadikan tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
39. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
- a. mengganggu proses penyertaan; dan/atau
  - b. bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
40. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak menerusi:
- a. pengumuman di laman web CIMB; atau
  - b. mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung sebarang Hadiah dan/atau sebarang pembatalan, penggantungkan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

41. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- a. penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
  - b. sebarang kegagalan untuk menerima atau kelewatan menerima sebarang pemberitahuan CIMB di bawah Kempen ini oleh Peserta Layak

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkarannya sengaja CIMB.

42. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak menerusi:
- i. pengumuman di laman web CIMB; atau

- ii. dengan mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.
  - b. Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh sepertimana yang boleh ditentukan oleh CIMB di dalam pemberitahuan.
  - c. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
43. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan.
44. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa CIMB ditanggung rugi berkenaan sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB disebabkan:
- a. penyertaan Peserta Layak di dalam Kempen; atau
  - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah oleh Peserta Layak.
45. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen; dan
  - b. hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Penyertaan yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
46. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
47. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, dan e-mel:

Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No. Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)

CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

48. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berkenaan akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perkara yang berkaitan dengan akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank.